



HEALTHIER, LONGER,
BETTER LIVES

A-PLUS RECOVER

PENGGALAK YANG ANDA PERLUKAN UNTUK PERLINDUNGAN KESIHATAN YANG LEBIH KUKUH!

Perbelanjaan perubatan dan kos sara hidup boleh menambah beban kewangan jika kita tidak mempunyai perlindungan yang mencukupi.

Pastikan anda bersiap sedia untuk menghadapi peristiwa luar jangkaan. Tingkatkan perlindungan kesihatan anda hari ini dengan **A-Plus Recover**, pelan terbaik untuk melengkap perlindungan perubatan dan penyakit kritikal anda.

PERBELANJAAN JANGKA PENDEK

- Kemasukan Hospital
- Prosedur Pembedahan
- Ubat-Ubatan



PERBELANJAAN JANGKA PANJANG

Perbelanjaan Pemulihan

- Ubat-Ubatan Jangka Panjang
- Ubat Alternatif / Tradisional
- Penjagaan Kejururawatan di Rumah

Perbelanjaan Sara Hidup

- Barang Runcit & Utiliti
- Bayaran Balik Pinjaman
- Dana Persaraan / Pendidikan

Perlindungan Serba Lengkap



Dapatkan **bayaran sekali gus** di bawah Manfaat Kemasukan Hospital Berpanjangan. 100% daripada jumlah perlindungan A-Plus Recover anda akan dibayar apabila berlaku:

- Kemasukan¹ ke Unit Rawatan Rapi (ICU) selama 5 hari berturut-turut, atau
- Kemasukan hospital² selama 15 hari berturut-turut (disertai pembedahan, atau disebabkan oleh jangkitan)

Perlindungan Berganda



Perlindungan A-Plus Recover anda akan ditetapkan semula setahun selepas Manfaat Kemasukan Hospital Berpanjangan telah dibayar. Ini bermakna anda masih **dilindungi daripada segala ketidakpastian hidup selepas anda pulih**.

Booster Had Tahunan



10x jumlah perlindungan A-Plus Recover anda akan ditambah kepada Had Tahunan pelan perubatan apabila anda melampirkan rider ini kepada pelan A-Plus Health³, A-Plus Health Booster⁴ atau A-Plus Med Booster.

Pelan Mampu Milik



Walaupun pada umur 40 tahun, perlindungan RM100,000 dengan A-Plus Recover hanya menelan belanja **lebih kurang RM1 sehari!**

Nota: Maklumat ini hanyalah ringkasan produk dan adalah tidak menyeluruh. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Perancang Hayat AIA untuk mendapatkan Ilustrasi Jualan dan Lembaran Pendedahan Produk. Tertakluk kepada termasuk syarat.

¹ Kemasukan ke ICU dan tempoh penginapan mestilah dianggap Perlu Dari Segi Perubatan oleh doktor yang merawat.

² Kemasukan hospital dan tempoh penginapan mestilah dianggap Perlu Dari Segi Perubatan oleh doktor yang merawat.

³ Hanya A-Plus Health dengan Pelan 200 dan ke atas akan layak untuk Manfaat Booster Had Tahunan.

⁴ Hanya A-Plus Health Booster dengan Pelan 200 dan ke atas akan layak untuk Manfaat Booster Had Tahunan.

Untuk Perhatian Anda

Pendedahan Am:

- A-Plus Recover tersedia sebagai rider pembayaran premium yang boleh dilampirkan kepada A-Life Med Regular dan sebagai rider pemotongan unit yang boleh dilampirkan kepada A-LifeLink 2 dan A-Life Joy Xtra, dan ditaja jamin oleh AIA Bhd. (200701032867 (790895-D)), yang diberi lesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
- Rider ini bukan produk patuh Syariah.
- Jika polisi tradisional dibatalkan dalam tempoh percubaan 15 hari, premium penuh yang dibayar selepas ditolak perbelanjaan perubatan (jika ada) akan dipulangkan kepada anda.
- Jika polisi berkaitan pelaburan dibatalkan dalam tempoh percubaan 15 hari, premium yang tidak diperuntukkan bagi polisi asas, nilai unit (jika ada), sebarang caj insurans dan Caj Perkhidmatan Bulanan yang telah dipotong selepas ditolak perbelanjaan perubatan (jika ada) akan dipulangkan kepada anda.
- Premium yang perlu dibayar / Kos Insurans akan dipotong mengikut umur yang anda capai dan akan meningkat seiring kenaikan umur.
- Kadar Premium / Kos Insurans adalah tidak dijamin. Syarikat berhak untuk membuat semakan kadar dengan memberikan notis terdahulu sekurang-kurangnya 30 hari sebelum berkuat kuasa pada Ulang Tahun Rider yang seterusnya. Sampel kadar premium dan kos insurans bagi A-Plus Recover dipaparkan dalam laman web korporat Syarikat di www.aia.com.my
- Orang Diinsuranskan mestilah masih hidup sekurang-kurangnya 15 hari selepas tarikh keluar hospital untuk melayakkan diri untuk menerima Manfaat Kemasukan Hospital Berpanjangan.
- Anda harus memastikan bahawa maklumat penting berkaitan pelan ini didedahkan kepada anda dan anda memahami maklumat yang didedahkan sebelum membeli pelan ini. Sekiranya terdapat sebarang ketidakpastian, anda harus mendapatkan penerangan daripada Syarikat.
- Membeli insurans hayat adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda harus berpuas hati bahawa polisi (termasuk rider) akan memenuhi keperluan anda dengan cara terbaik dan premium yang perlu dibayar di bawah polisi adalah jumlah yang anda mampu bayar. Dalam hal ini, kami mengesyorkan agar anda berunding dengan Perancang Hayat AIA anda yang akan melakukan analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan secara maklum. Anda juga boleh menghubungi Syarikat untuk mendapatkan maklumat lanjut.
- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans perubatan dan kesihatan, anda juga boleh merujuk kepada risalah info 'Insurans Perubatan & Kesihatan' yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda boleh mendapatkan satu salinan daripada Perancang Hayat AIA anda atau layari www.insuranceinfo.com.my
- Tindakan menukar pelan kesihatan kepada pelan yang lain boleh merugikan anda, kerana anda mungkin tertakluk kepada syarat-syarat taja jamin baharu, tempoh menunggu penuh dan sebarang tempoh lain yang dikenakan bagi pengecualian penyakit tertentu / keadaan sedia ada di bawah pelan baharu.
- Anda boleh menyerahkan polisi pada bila-bila masa. Bagaimanapun, jika anda menamatkan polisi pada tahun-tahun awal, anda mungkin mendapat balik kurang daripada jumlah yang anda telah bayar.
- Sila ambil perhatian bahawa premium yang dibayar oleh organisasi perniagaan tertakluk kepada cukai berkenaan yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.
- Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Ilustrasi Jualan dan Lembaran Pendedahan Produk untuk senarai lengkap manfaat, pengecualian, tempoh menunggu, tempoh terus hidup dan terma dan syarat lain di bawah polisi.

